



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA KONSTABLE DOLLAH BIN UYUB
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SPECIAL CONSTABLE
(SC) SEMASA SERANGAN HENDAP GERILA KOMUNIS DI BUKIT
JALUR, AIR KUNING SELATAN, GEMAS, NEGERI SEMBILAN PADA
TAHUN 1952

DISEDIAKAN OLEH:

AZIZAH BINTI AHMAD
NOR IZZURIN BINTI YAHAYA

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS
IMR 604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05
(SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014)

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
1.0 PENGENALAN.....	1
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	16
3.0 LOG WAWANCARA.....	83
4.0 BIODATA.....	89
4.1 Biodata Tokoh.....	89
5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	90
6.0 RALAT.....	95
7.0 SENARAI RUJUKAN.....	96
8.0 LAMPIRAN.....	97
9.0 INDEKS.....	99
10.0 DIARI PENYELIDIKAN.....	105

SENARAI GAMBAR

Gambar 1 : Latihan pengganas komunis di Tanah Melayu	9
Gambar 2 : Keretapi menjadi sasaran pengganas	12
Gambar 3 : Ladang getah dan pekerjanya jadi mangsa	13
Gambar 4 : Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra tiba untuk mengadakan rundingan dengan Chin Peng di Baling 28.12.1955	14
Gambar 5 : Pasukan wanita pengawal kampung menjalankan latihan untuk pertahanan sawah-sawah mereka di dalam masa darurat	14
Gambar 6 : Kemusnahan yang dilakukan komunis	15
Gambar 7 : Tokoh Dollah Bin Uyub	88
Gambar 8 : Azizah (penemuramah 1) bersama Konstabel Dollah Bin Uyub	96
Gambar 9 : Nor Izzurin (penemuramah 2) bersama Kosntable Dollah Bin Uyub.....	96
Gambar 10 : Tugu peringatan untuk para perjuang	97
Gambar 11 : Senarai nama yang terkorban semasa serangan komunis.....	97

Sekapur Sireh ...

Dengan Nama Allah Ynag Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana taufik dan hidayah serta izin Allah S.W.T dapat kami selesaikan tugas penulisan transkrip berkenaan dengan subjek IMR 604: Mendokumentasi Sejarah Lisan pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami dalam menghasilkan kerja kursus kami iaitu Transkrip Temubual Bersama Konstabel Dollah Bin Uyub Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Special Constable (SC) Semasa Serangan Komunis di Bukit Jalur, Air Kuning Selatan, Gemas, Negeri Sembilan Pada Tahun 1952.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Azura Bt. Abdul Jamil@Kamarudzzaman yang telah banyak membantu dan memberi penerangan, tunjuk ajar, pandangan dan kata-kata nasihat yang berguna kepada kami dalam menghasilkan kerja kursus ilmiah ini dengan sempurna. Di samping itu, cadangan serta nasihat yang diberikan amat membantu dalam mengembangkan hasil kerja kursus transkrip kami ini. Segala komitmen yang ditunjukkan memberi kami semangat untuk menyiapkan penulisan transkrip ini.

Sekalung penghargaan juga kami ucapkan kepada Encik Dollah Bin Uyub yang merupakan tokoh yang kami pilih dalam menghasilkan kerja kursus penulisan transkrip ini kerana kesudian beliau ditemu ramah oleh kami. Segala kerjasama dan komitmen beliau dalam menceritakan pengalaman beliau amat kami hargai dan sanjungi. Ribuan terima kasih juga kepada pihak-pihak lain yang secara langsung mahupun tidak langsung yang membantu kami mendapatkan sumber maklumat dan sumber ilmu dengan lebih terperinci dan tanpa mereka, mungkin kami menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat serta bahan untuk dijadikan rujukan dan aplikasi kepada kerja kursus kami ini.

Sekian, terima kasih.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA KONSTABLE DOLLAH BIN UYUB
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SPECIAL CONSTABLE SEMASA
SERANGAN GERILA KOMUNIS DI BUKIT JALOR, AIR KUNING SELATAN,
GEMAS, NEGERI SEMBILAN PADA TAHUN 1952.**

ABSTRAK: *Dollah Bin Uyub merupakan bekas Special Constable bermula dari tahun 1948 sehingga tahun 1957. Special Constable ditubuhkan di Tanah Melayu bertujuan untuk membanteras Parti Komunis Malaya (PKM) yang bermaharajalela melancarkan serangan untuk menguasai Tanah Melayu melalui kekerasan dan kekejaman. Pada awalnya, beliau telah menjalani latihan sebagai Special Constable di Seri Menanti, Seremban selama sebulan. Selepas tamat latihan, beliau telah diarahkan untuk melaporkan diri di Balai Polis Tampin dan kemudiannya beliau dihantar berkhidmat di Air Kuning, Gemas, Negeri Sembilan selama setahun. Beliau dikhaskan untuk berkhidmat di kawasan estet Air Kuning untuk mengawal di antara sempadan Air Kuning dan Gemas serta kawasan sekitarnya. Namun, pada tahun 1952, satu serangan gerila komunis telah berlaku di Bukit Jalor, Air Kuning, Gemas, Negeri Sembilan. Beliau yang merupakan saksi pertempuran tersebut telah merasai pelbagai pengalaman selama tempoh serangan gerila itu berlaku. Sepanjang perkhidmatan beliau, itu adalah kali pertama beliau bertempur dengan pihak komunis. Pelbagai kekejaman telah dilakukan oleh pihak komunis dan kesan daripada kejadian tersebut pelbagai kemusnahan telah dialami oleh penduduk setempat. Berikutan daripada kejadian tersebut, beliau telah dianugerahkan pingat penghargaan daripada pihak kerajaan di atas jasa dan sumbangan beliau mempertahankan Tanah Melayu semasa berkhidmat sebagai Special Constable. Beliau telah berkhidmat sebagai Special Constable selama tujuh tahun dan pada tahun 1957 iaitu selepas kemerdekaan Tanah Melayu, beliau telah membuat keputusan untuk bersara.*

KATA KUNCI: *Serangan gerila komunis, Balai Polis Air Kuning, komunis, Special Constable*